


MESYUARAT MBJ INSTUN BIL.3/2023 DAN KUNJUNGAN HORMAT KE INSTITUT LATIHAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (I-KPKT)

Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Institut Tanah dan Ukur Negara telah berjaya menganjurkan Mesyuarat MBJ INSTUN Bil.3/2023 dan Kunjungan Hormat ke Institut Latihan Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT) pada 15 hingga 16 November 2023. Secara keseluruhannya, program ini telah disertai seramai 28 orang peserta yang terdiri daripada Ahli Pihak Pegawai dan Ahli Pihak Pekerja INSTUN dan turut dibantu seramai lima (5) orang urus setia daripada Seksyen Pengurusan Sumber Manusia.

Objektif program ini adalah untuk mewujudkan hubungan dua hala terutamanya dalam perancangan latihan dan juga perkongsian selaku Institut Latihan Awam Malaysia. Pelaksanaan Mesyuarat MBJ Bil. 3/2023 di I-KPKT juga bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada Ahli-Ahli MBJ INSTUN berkenaan ILA yang lain di samping melihat fasiliti yang membantu kaedah pengajaran dan menambah pengalaman apabila berkunjung ke ILA yang lain.







Hari Pertama dimulakan dengan Mesyuarat MBJ INSTUN Bil.3/2023







Perlawanan Persahabatan Bola Tampar Lelaki I-KPKT vs INSTUN







Hari Kedua diteruskan dengan Program Kunjungan Hormat ke I-KPKT



Tuan Pengarah menyampaikan cenderahati kepada Pengarah I-KPKT di atas kesudian
menerima kunjungan hormat daripada INSTUN





Sesi bergambar di I-KPKT